

## Maklumat Komoditi : Sawi

### Pengairan Dan Saliran

#### PENGAIRAN DAN SALIRAN

##### Pengenalan Umum:

Pengurusan Air : Di kawasan komersil, biasanya sistem pengairan renjis atau renjis mikro disediakan. Siraman dibuat sekali sehari, dan pada musim kering 2 kali sehari. Jumlah air yang digunakan melalui sistem renjis ini adalah bergantung kepada jenis tanah, umur pokok dan keadaan cuaca. Pengurusan air yang cekap dan efisien akan dapat mengurangkan kehilangan baja, mengawal insiden penyakit kulat dan mengurangkan kos operasi pam dan sistem. Pengurusan air merangkumi pengairan dan saliran untuk keperluan tanaman.

Sistem pengairan renjis mempunyai kecekapan pengairan 65-75% dan keperluan tenaga kerja yang rendah. Kos bahan sistem di antara RM 5,000 - RM 8,000 sehektar. Jenis perenjis yang sesuai digunakan mempunyai julat tekanan operasi yang rendah, 1.5 - 2.5 kg/cm<sup>2</sup> dengan kadar alir perenjis 0.3 - 1.0 lit/saat dan garis pusat siraman liputan 20 - 30 m. Keperluan jumlah air harian bergantung kepada kadar penyejat puluhan iaitu 10-15 mm/hari.

Sawi memerlukan air yang banyak untuk pertumbuhan. Siraman dibuat 2 kali sehari ketika cuaca panas dan dilakukan secara manual atau sistem pengairan renjis .

##### Jenis Sistem Pengairan (Sprinkler/Titis/Lain-lain):

Sistem Pengairan: Pengairan Renjis ( *sprinkler* ) / manual

Anggaran kos pemasangan sistem pengairan

1. Kos Pengairan (RM/Ha) : RM 5000 – RM 8000 (1998)